

Penyelesaian dua negara satu bentuk penipuan - Abdul Hadi

**Utusan
Malaysia**
**BERSAMA
PALESTIN**



Oleh **MOHD. HUSNI
MOHD. NOOR**
utusannews@mediamulia.com.my

CYBERJAYA: Idea penyelesaian dua negara oleh Israel dan sekutunya adalah satu bentuk penipuan bagi menakluk keseluruhan Palestin.

Malah, ia kesinambungan daripada rancangan penjajahan British sejak tahun 1930-an lagi.

Presiden Pas, Tan Sri Abdul Hadi Awang berkata, beliau juga melihat idea itu sebagai memberi peluang dan ruang kepada orang Yahudi untuk terus meluaskan kuasanya di Palestin.

Justeru, katanya, adalah amat penting bagi orang Islam membuat satu pendirian dan mempertahankan Palestin ker-



ABDUL Hadi Awang bersama Dr. Mahathir Mohamad dalam siri Bicara Negara bertajuk 'Masa Depan Palestin: Apa Perlu Dilakukan' di Yayasan Permata Ummah, Cyberjaya semalam. - UTUSAN/ FAISOL MUSTAFA

ana Palestin itu sendiri adalah tanah air umat Islam.

"Bagaimanapun, ia tidak bermakna bahawa orang Yahudi tidak boleh menetap di Palestin

cumanya ia (Palestin) adalah milik orang Islam.

"Allah SWT jadikan Palestin sebuah negara kelahiran nabi-nabi, malah bangsa Yahudi bu-

kannya yang pertama menetap di situ sebaliknya bangsa rumpun Arab," katanya pada siri Bicara Negarawan bertajuk 'Masa Depan Palestin: Apa perlu di-

lakukan? yang turut menampilkan bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad.

Katanya, rancangan penyelesaian dua negara bersifat 'gula-gula' dan bukannya menyelesaikan masalah sebaliknya Palestin mesti dikembalikan kepada kuasa pemerintahan orang Islam.

Abdul Hadi berkata, apa yang berlaku ketika ini, Israel mahu Palestin menjadi milik mereka sahaja dan siri pengeboman yang berlaku juga bukan hanya menyasarkan umat Islam sebaliknya orang Kristian Palestin dan mereka turut menyerang gereja.

Sementara itu, Dr. Mahathir berkata, beliau berpandangan negara-negara Islam ketika ini mempunyai kuasa yang amat terhad untuk menyekat kekejaman Israel terhadap Palestin.

"Kita ketika ini lemah dan tidak mampu menentang Amerika Syarikat (AS). Jika AS tidak benarkan kita hantar pasukan pengaman ke sana, kita tidak mampu buat apa-apa," katanya.